

LATIHAN 1

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapi jalan cerita petikan karangan.

- (A) belayar sampai ke pulau
- (B) ringan tulang berat perut
- (C) tiada rotan akar berguna
- (D) tukang tidak membuang kayu
- (E) baik membawa resmi ayam betina
- (F) seperti harimau menyembunyikan kukunya
- (G) jika ular menyusur akar, tidak akan hilang bisanya
- (H) kuat burung kerana sayap, kuat ketam kerana sepit
- (I) kemenyan sebesar lutut tidak dibakar takkan berbau
- (J) umpama duduk seperti kucing, melompat seperti harimau

Sebelum Siti keluar ke pasar, dia membaca doa dan memakai kasut kanan terlebih dahulu. Itulah nasihat yang diberi ibunya. Siti bersifat ____ (1) ____ kerana dia mudah menerima nasihat yang diberikan.

Apabila Siti tiba di pasar, Siti hanya fokus kepada barangan yang dikirim ibunya. Siti tidak berhenti untuk melihat barang-barang lain kerana dia tahu sekiranya berbuat demikian, dia akan terbeli benda-benda yang tidak perlu. Dia tidak suka berboros kerana ____ (2) ____.

Semasa memilih ikan di gerai Uncle Tomi, Siti terdengar pertelingkahan antara dua mak cik. Mereka ternyata berebut untuk membeli ikan pari segar yang dijual pada harga potongan yang lumayan. Uncle Tomi menemui jalan buntu dan tidak tahu bagaimana untuk menghuraikan masalah itu. Siti menasihati Uncle Tomi agar ____ (3) ____ dan ingat kembali siapa yang bertanya tentang ikan itu dahulu.

Sepulangnya di rumah, Siti terus menyambung dengan projek sekolahnya. Dia seorang yang ____ (4) ____ dan akan melakukan segala tugasnya dengan rajin untuk mendapat markah yang tinggi. Sebagai ketua kumpulan, Siti juga tidak lupa untuk sentiasa memberikan maklumat terkini kepada anggota projeknya supaya mereka tahu tanggungjawab masing-masing dan tidak menjadi seperti ____ (5) ____.

LATIHAN 2

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapi jalan cerita petikan karangan.

- (A) garam jatuh ke air
- (B) ringan tulang berat perut
- (C) kusut di hujung bawa ke pangkal
- (D) seperti anak ayam kehilangan ibu
- (E) jauhari juga yang mengenal manikam
- (F) ingat sebelum kena, jimat sebelum habis
- (G) bagaimana bunyi gendang, begitulah tarinya
- (H) cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar
- (I) harapkan (mendengar) guruh di langit, air di tempayan dicurahkan

Tarikh acara amal yang dianjurkan Sekolah Menengah Riverdale semakin menghampiri.

Semua murid-murid berganding bahu untuk membuat persiapan yang diperlukan ibarat _____ (1) _____ kerana mereka ingin melihat kejayaan acara tersebut. Guru-guru di sekolah itu juga turut bekerjasama dengan anak-anak murid agar anak-anak murid mengikut contoh mereka _____ (2) _____.

Semasa melakukan tugas masing-masing, semua anak murid cepat mendengar dan mengikut nasihat guru masing-masing bagaikan _____ (3) _____ supaya tugas dapat diselesaikan secara efektif. Dengan adanya ketua murid, mereka tidak menjadi _____ (4) _____ kerana semua arahan diturunkan dengan berkesan sejurus diterima daripada guru.

Setiap kali mereka menghadapi masalah dan rasa tersangkut, guru-guru menasihati murid supaya _____ (5) _____ iaitu mereka harus bertenang dan cuba mencari punca masalah yang dihadapi. Yang penting, mereka tidak patut menggelabah tidak tentu pasal.

1. () 2. () 3. () 4. () 5. ()

LATIHAN 3

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapkan jalan cerita petikan karangan.

- (A) takut titik lalu tumpah
- (B) ringan tulang berat perut
- (C) kusut di hujung bawa ke pangkal
- (D) sekali air bah, sekali pasir berubah
- (E) jauhari juga yang mengenal manikam
- (F) ingat sebelum kena, jimat sebelum habis
- (G) ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
- (H) bagaimana bunyi gendang, begitulah tarinya
- (I) cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar
- (J) harapkan (mendengar) guruh di langit, air di tempayan dicurahkan

Orang tua selalu menasihati kita agar _____ (1) _____ iaitu jangan sedap sahaja berkata-kata sesuka hati tanpa melihat di mana kita berada. Ini terutama sekali dalam suasana bekerja kerana kita tidak tahu siapakah yang benar-benar rakan atau musuh dalam selimut.

Kita harus pandai menilai keadaan dan tahu apakah perkara-perkara yang boleh bantu kita membangun. Bak pepatah, _____ (2) _____. Zaman sekarang, kita perlu bekerja bijak dan bukan sekadar bekerja keras. Janganlah pula kerana itu, kita takut sangat untuk melakukan kesilapan sehingga akhirnya mengalami kerugian besar. Dipendekkan kata, _____ (3) _____.

Selain itu, hidup ini mestilah bermuafakat. Kita tidak harus mementingkan diri sendiri dan harus _____ (4) _____ kerana hasil daripada pencapaian syarikat pasti akan mencurah-curah kepada semua pekerja juga. Tidak perlulah kita tunggu untuk diberi arahan baru hendak buat kerja. Amalkan sikap _____ (5) _____ kerana pekerja seumpama itu pasti akan menerima ganjaran yang setimpal dengan usahanya.

1. () 2. () 3. () 4. () 5. ()

LATIHAN 4

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapi jalan cerita petikan karangan.

- (A) takut titik lalu tumpah
- (B) ringan tulang berat perut
- (C) sekali air bah, sekali pasir berubah
- (D) jauhari juga yang mengenal manikam
- (E) genggam bara api biar sampai jadi arang
- (F) bagaimana bunyi gendang, begitulah tarinya
- (G) bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi
- (H) seperti ketam menyuruh anaknya berjalan betul
- (I) kerbau dipegang pada talinya; manusia dipegang pada janjinya
- (J) seperti buah padi, makin berisi makin rendah; jangan seperti lalang, makin lama makin tinggi

Zafry memandang ke luar tingkap. Akhirnya, dia berjaya menggenggam segulung ijazah. Pada saat itu, masih terngiang-ngiang nasihat ayahnya untuk _____ (1) _____ kerana setiap pekerjaan yang sukar itu haruslah dilakukan dengan sabar untuk mengecapi kejayaan. Setelah berhijrah ke luar negara, perniagaannya menjadi maju. Kesenangan Zafry adalah disebabkan oleh sikapnya yang rajin berusaha. Maklumlah, _____ (2) _____. Namun, Zafry tidak menghiraukan nasihat ayahnya untuk merendahkan diri setelah dinaikkan pangkat _____ (3) _____. Pada suatu ketika, apabila Zafry hendak mengelakkan kerugian yang kecil dalam satu peluang perniagaan, akhirnya dia telah menyebabkan syarikatnya mengalami kerugian yang besar ibarat _____ (4) _____. Malangnya, Zafry telah diberhentikan kerja. Meskipun begitu, Zafry sedar bahawa dia harus menerima segala balasan bak kata pepatah _____ (5) _____. Namun, Zafry tidak berputus asa dan bertekad untuk terus berjuang demi minatnya dalam bidang perniagaan.

1. () 2. () 3. () 4. () 5. ()

LATIHAN 5

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapi jalan cerita petikan karangan.

- (A) ringan tulang berat perut
- (B) sekali air bah, sekali pasir berubah
- (C) jauhari juga yang mengenal manikam
- (D) ingat sebelum kena, jimat sebelum habis
- (E) genggam bara api biar sampai jadi arang
- (F) tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan
- (G) bagaimana bunyi gendang begitulah tarinya
- (H) cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar
- (I) harapkan (mendengar) guruh di langit, air di tempayan dicurahkan
- (J) laut mana yang tidak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan

Petang itu, Encik Ilham duduk di ruang tamunya sambil memikirkan tentang anak mereka, Izzati. Sebenarnya, Izzati ialah seorang yang rajin lantas mudah mendapat rezeki laksana ____ (1) _____. Walaupun begitu, baru-baru ini, Izzati meluahkan hasratnya untuk bertukar pekerjaan apabila mendengar khabar angin bahawa pekerjaan baharu itu akan menawarkan gaji yang lebih tinggi. Encik Ilham menganggap perbuatan itu seperti ____ (2) _____. Oleh itu, Encik Ilham menasihatinya agar jangan mengikut nafsunya kerana Izzati belum tentu mendapat pekerjaan yang baharu itu. Meskipun begitu, Izzati masih tetap dengan pendiriannya. Sebenarnya, dia telah lama berfikir tentang keputusannya kerana dia selalu berwaspada dan beringat-ingat terutama berkenaan hal wang dan harta benda kerana jika tidak, dia mungkin kerugian ibarat ____ (3) _____. Malah, Izzati yakin membuat sesuatu yang sukar hendaklah bersabar hingga mencapai kejayaan bak pepatah ____ (4) _____. Namun, jika Izzati gagal untuk mendapatkan pekerjaan ini, dia telah berjanji kepada diri sendiri bahawa dia tidak akan berasa kecewa kerana manusia tidak lepas daripada melakukan kesilapan, seperti kata bidalan ____ (5) _____. Nampaknya, Encik Ilham terpaksa bersetuju dengan kehendak Izzati dan hanya mampu berdoa untuk anak kesayangannya itu.

1. () 2. () 3. () 4. () 5. ()